

Bidang teknikal, vokasional

FPTV UTHM buka peluang ceburi dunia perguruan, usahawan, industri dalam dan luar negara

Kamu mempunyai minat tinggi dalam bidang pendidikan? Jika mempunyai kesediaan dan kebolehubahsuaian menceburi bidang keusahawanan atau pekerja industri, sama ada di dalam atau luar negara apabila berhadapan persaingan tinggi untuk masuk ke bidang pendidikan masa kini, apa kata pilih kursus ditawarkan Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Dekannya, Profesor Dr Ahmad Esa berkata, selain memiliki kelayakan minimum ditetapkan dalam permohonan UPU, paling penting ialah calon memohon perlu mempunyai kebolehan psikomotor yang lebih berbanding secara relatif dengan program pendidikan lain.

"Ini kerana asas dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional ialah kemahiran *hands on* yang memerlukan penggunaan kekuatan psikomotor selain kognitif.

"Bidang pendidikan berkait rapat dengan melahirkan insan seimbang dan holistik. Calon perlu mempunyai pengurusan emosi stabil dan amalan rohani yang boleh diteladani.

"Justeru calon perlu melepasi ujian Medsi (*Malaysian Educators Selection Inventory*) dan temu duga bagi memastikan mereka terpilih mempunyai personaliti guru dan ciri holistik serta seimbang," katanya.

Menurutnya, FPTV menjadi pilihan penuntut kerana graduan FPTV berpeluang cerah menjadi Pegawai Pendidikan Siswazah (Guru Siswazah) di institut pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) seperti sekolah menengah harian, sekolah menengah teknik dan kolej vokasional.

Ahmad berkata, sekiranya tahun pengambilan kemasukan penuntut adalah berdasarkan unjuran ditetapkan KPM, maka graduan berpeluang ditempatkan di institusi pendidikan di bawah KPM.

"Namun bagi tahun pengambilan penuntut yang tiada unjuran, permintaan untuk mereka ditempatkan di Institusi



FPTV mampu melahirkan guru, pekerja industri dan usahawan.



AHMAD

Pendidikan KPM juga adalah tinggi. Contohnya pada 2016, FPTV telah mengeluarkan 50 graduan dan kesemua mereka dalam proses ditempatkan di kolej vokasional.

"Sambutan tinggi kalangan pemohon juga kerana kurikulum disediakan di FPTV bukan sahaja melahirkan guru, tetapi pekerja industri dan usahawan. Di samping itu juga FPTV ke arah mengeluarkan graduan guru yang boleh menabur bakti di peringkat antarabangsa seperti menjadi guru di Thailand, Maldives, Brunei dan Yaman," katanya.

FPTV menurutnya, mendapat pengiktirafan Unesco-Unevoc dan ini merupakan kelebihan yang tiada di IPT lain yang menawarkan program sama. Pengiktirafan tersebut menjadikan segala usaha sama ada di peringkat universiti

mahupun fakulti melestarikan standard kualiti graduan bertaraf antarabangsa untuk memenuhi kriteria guru TVET yang ditetapkan Unesco-Unevoc TVET selain keperluan Standard Guru Malaysia.

Selain itu, FPTV satu-satunya fakulti menawarkan Program Pendidikan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional yang mempunyai Pusat Pentauliahan, membolehkan siswa FPTV mendapat Sijil Kemahiran Malaysia tahap 3, Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia.

FPTV juga adalah satu-satunya bertaraf fakulti di Malaysia yang fokus menjalankan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (7 bidang pengkhususan).

BERTERAS KEMAHIRAN

Siswa Ijazah Sarjana Muda FPTV (Elektrik & Elektronik), Amzar Aizat Alias, 24, berkata,

Kursus-kursus ditawarkan di UTHM sangat menyeluruh dan memenuhi kehendak pasaran.

kursus ditawarkan di FPTV satu-satunya fakulti berkonsep pendidikan berteraskan kemahiran.

Jika berbicara soal peluang pekerjaan, baginya FPTV fakulti terbaik melahirkan graduan kompeten serta mampu memenuhi kehendak industri dan sektor mahirawan awam mahupun swasta.

"Apa yang menjadi tarikan pelbagai pihak adalah fokus utama pembangunan holistik terutamanya terhadap aspek pembangunan kemahiran pekerja dari sudut teknikal dan vokasional.

"Melalui pelan RMK-11, sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan di mana 60 peratus daripadanya memerlukan kelayakan berkaitan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)," kata Amzar yang juga Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2016/2017 UTHM ini.

Menurutnya, kursus-kursus ditawarkan UTHM sangat menyeluruh dan memenuhi kehendak pasaran seperti kejuruteraan, kulineri, sains komputer, aeronautik, pendidikan teknikal dan pengurusan perniagaan.

Seorang lagi penuntut Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan), Nor Shabiha Othman, 26, berkata, sebagai siswi dia tidak merasakan kursus diambil sukar kerana ia bidang diminatinya sejak di bangku sekolah.

"Bidang ini saya ceburi sejak di peringkat sekolah menengah lagi. Ia memudahkan saya terus berada dalam bidang ini. Saya juga mahu menyahut cabaran, wanita juga mampu melakukannya.

"Saya juga rasa penuntut wanita mempunyai ciri-ciri untuk menjadi tenaga pengajar yang baik dan mampu berjaya dalam bidang binaan bangunan.

"Peluang pekerjaan juga cerah kerana kami didedahkan dengan sektor pembinaan dengan menjalani latihan industri dan juga dalam bidang pendidikan, di mana kami perlu menjalani latihan mengajar," katanya yang mendapat galakan ibu bapa, guru dan pensyarah.



AMZAR



Kulineri antara kursus ditawarkan UTHM dan mendapat sambutan.